

97

**NO. SOALAN: 338**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
[LENGGONG]**

**SOALAN:**

**Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh mana perkembangan dan kesediaan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang disediakan pada ketika ini dalam mentransformasikan pusat tahfiz di seluruh negara serta membawa perubahan baharu bagi tujuan pengawalseliaan yang lebih baik dari sebelumnya.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAIJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) telah dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali ke-61 yang telah bersidang pada pada 28 Jun 2016. Pada masa ini semua negeri telah menerima pemakluman dasar ini dan juga telah

disembah maklum kepada Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke 247 pada 11 Oktober 2017.

Dasar Pendidikan Tahfiz Negara akan dilaksanakan melalui (5) teras utama iaitu memantapkan mekanisme kawalan pendaftaran, memperkenalkan model institusi tahfiz yang diiktiraf, memantapkan kurikulum pendidikan tahfiz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana, memperkasa tadbir urus institusi tahfiz, mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan bagi institusi tahfiz.

Aspek kawal selia atau penaziran juga digariskan dalam pelan tindakan DPTN ke arah mewujudkan kaedah penaziran yang mantap dan bersesuaian dengan matlamat mewujudkan institusi tahfiz yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 339 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN  
[PETALING JAYA SELATAN]**

**SOALAN :-**

**YB TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan skim bantuan untuk golongan belia yang merancang mendirikan rumah tangga untuk memiliki rumah terutama sekali dalam urusan mendapat pinjaman bank.**

100

Jawapan :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara skim bantuan kepada golongan belia yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi membantu golongan ini dalam memiliki rumah disamping meringankan beban kewangan mereka adalah melalui program dan insentif seperti yang berikut:

**A) SKIM DI BAWAH JABATAN PERUMAHAN NEGARA (JPN)**

**(i) Bantuan Pembiayaan bagi Membina Rumah**

- a. Skim Pinjaman Perumahan (SPP)

**(ii) Bantuan Pembiayaan Deposit/Subsidi Pembelian Rumah**

- a. Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome)
- b. Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit)

**iii) Program Pemilikan Rumah PPR melalui Skim Sewa Untuk Dimiliki (*Rent to Own (RTO)*)**

**iv) Program Penyewaan Rumah**

- a. Program Rumah Transit 1 Malaysia (RT1M)
- b. Program Rumah Transit Belia (MyTransit)
- c. Program Perumahan Rakyat Di Sewa